



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JANM(TAW).900-1 JLD.16 (15)
Tarikh : 13 Februari 2024

Ketua Jabatan
Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Daerah Tawau / Kunak / Semporna / Lahad Datu.

Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN KEPUTUSAN MESYUARAT BERSAMA AGENSI PUKAL BAGI TUNGGAKAN BIL AIR DI JABATAN AIR NEGERI SABAH

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada Mesyuarat Bersama Agensi Pukal (Secara Bersasar) dan Pejabat Perakaunan Bil 1 Tahun 2023 yang diadakan pada 29 Ogos 2023 (Selasa) Hybrid – Lifesize di Bilik Platinum BPOPP) adalah berkaitan.

2. Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat isu bil Jabatan Air Negeri Sabah di mana bil tidak diterima oleh PTJ dan telah menyebabkan tunggakan bil yang tinggi. Perkara ini telah dimaklumkan secara bertulis kepada Jabatan Air Sabah oleh Jabatan Akauntan Negara Negeri / Cawangan di Sabah. Bayaran pukal air hanya melibatkan amaun semasa, manakala bil tunggakan tidak dibayar. Amaun tertunggak disebabkan pihak Jabatan Air Sabah tidak membuat meter reading secara bulanan. Bacaan bil air yang tidak konsisten menyebabkan tunggakan bil air di PTJ tidak selesai dan notis pemotongan bekalan air dikeluarkan oleh agensi
3. Selaras dengan perjanjian pukal berkuatkuasa:
 - a. Amaun tunggakan sebelum akaun pukal diwujudkan tidak dibenarkan untuk dimasukkan di dalam bil pukal dan perlu diselesaikan secara berasingan bagi memastikan bil tunggakan adalah sah dan betul untuk dibuat pembayaran oleh Kerajaan.
 - b. Sebarang bil pukal terlebih bayar kerana pelarasan bil yang dilakukan oleh agensi hendaklah dibuat bayaran balik kepada Kerajaan dan tidak boleh dibuat pelarasan (offseting) melalui bil bulan berikutnya.
4. Sebarang masalah/isu berkaitan dengan Jabatan Air Negeri Sabah, pihak tuan /puan boleh menghubungi 088-232364 ext 140 atau emel Juhina.Mudi@sabah.gov.my

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JANM(TAW).900-1 JLD.16 (15)
Tarikh : 13 Februari 2024

6. Kerjasama dan perhatian pihak tuan/puan dalam mematuhi peraturan kewangan yang telah ditetapkan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

'Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan'

Saya yang menjalankan amanah,



(MUHAMMAD AIMAN BIN OMAR)

b.p Pengarah

Timbalan Pengarah Operasi

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Cawangan Tawau